

SOALAN NO: 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL

TARIKH: 11 MAC 2014

SOALAN:

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kes majikan yang gagal mematuhi pelaksanaan gaji minimum yang berkuatkuasa 1 Januari 2014 mengikut Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

PR-1321-L61147

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Perintah Gaji Minimum 2012 telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2013 bagi majikan yang mengajikan 6 orang pekerja atau lebih; dan 1 Julai 2013 bagi majikan yang mengajikan 5 orang pekerja atau kurang.

2 Berkenaan status semasa pelaksanaan gaji minimum, Kerajaan telah menetapkan mulai 1 Januari 2014 penguatkuasaan gaji minimum akan dijalankan sepenuhnya terhadap semua majikan.

Keputusan ini dibuat setelah mengambilkira penundaan yang telah diberikan oleh Kerajaan sepanjang 2013 bagi 1044 majikan individu dan majikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sehingga 31 Disember 2013 untuk pekerja asing. Oleh yang demikian diharap melalui pendekatan yang telah diambil oleh Kerajaan, majikan seharusnya telah mampu melaksanakan gaji minimum pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berhubung jumlah majikan yang gagal melaksanakan gaji minimum, didapati sebanyak 918 aduan kegagalan majikan membayar gaji minimum telah diterima oleh Jabatan Tenaga Kerja sepanjang 2013. Aduan ini sedang disiasat dan tindakan selanjutnya termasuk pendakwaan sedang dijalankan.

4. Bermula 1 Januari 2014, tiada majikan dikecualikan daripada membayar gaji minimum kepada pekerja mengikut penetapan gaji minimum di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732). Mengikut statistik pemeriksaan berkanun yang dilakukan ke premis majikan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) pada Januari 2014 sebanyak 11 majikan atau 1.1% daripada 988 majikan yang di periksa gagal mematuhi penetapan gaji minimum ini. Kesemua majikan ini telah diberi Notis Pematuhan dan diberi tempoh untuk membuat pembetulan dan seterusnya mematuhi penetapan gaji minimum ini. Kegagalan

mematuhi Perintah ini jika disabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman seperti berikut:

- (i) Penalti bagi kesalahan pertama: Denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja.
- (ii) Penalti bagi kesalahan berulang: Denda RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan
- (iii) Penalti bagi kesalahan berulang: Denda RM20,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia,

5. JTK sedang meneliti tindakan pendakwaan terhadap 622 majikan yang gagal mematuhi penetapan gaji minimum pada tahun 2013. Majikan-majikan ini adalah majikan tidak mendapat kelonggaran menangguh pelaksanaan gaji minimum.